

BERMAIN DENGAN BIJAK DAN SELAMAT

Kecederaan boleh berlaku kepada kanak-kanak pada bila-bila masa dan di mana-mana, termasuklah di taman permainan.



Jangan biarkan
keseronokan mengakibatkan
kesengsaraan

APA YANG PERLU KITA TAHU MENGENAI KECEDERAAN DI TEMPAT-TEMPAT REKREASI

1. Sebanyak lebih kurang 3000 kes kecederaan berlaku di taman rekreasi setiap 3 bulan
2. Kecederaan di taman rekreasi adalah yang keempat tertinggi di Malaysia
3. Kebanyakan kanak-kanak yang terlibat berumur 5 - 9 tahun

(Laporan Kementerian Kesihatan, 1996)

JENIS-JENIS KECEDERAAN YANG KERAP BERLAKU DI TAMAN REKREASI TERMASUK:-

- Patah
- Calar
- Kecederaan dalaman
- Lebam
- Tercekik benda asing
- Luka kulit
- Terseliuh
- Pengsan
- Terkehel



KECEDERAAN
DI TAMAN PERMAINAN BOLEH
MENGAKIBATKAN MAUT

KETAHUILAH CIRI-CIRI KESELAMATAN DI TAMAN PERMAINAN



- 1 Permukaan di sekitar dan di bawah alat permainan perlu lembut dan tahan hentakan dengan ketebalan tidak kurang dari 2 inci
- 2 Bahan tahan hentakan hendaklah sekurang-kurangnya 6 kaki di sekeliling alat permainan. Bagi buaian pula, kawasan depan dan belakang perlu dibesarkan sehingga 2 kali ketinggian palang buaian
- 3 Kedudukan alat-alat permainan hendaklah tidak kurang dari 12 kaki antara satu sama lain
- 4 Pastikan tiada benda tajam yang menonjol
- 5 Elakkan daripada mempunyai ruang-ruang kecil yang boleh memerangkap atau menyepit anggota badan kanak-kanak
- 6 Pastikan permukaan rata dan tidak mempunyai akar-akar, tunggul atau berbatu yang boleh menyebabkan pengguna taman permainan tersungkur
- 7 Pelantar, jambatan, tangga dan tanjakan (ramp) perlu mempunyai penghadang
- 8 Jenis permainan seperti 'climbing rockets', 'cradle swing' dan palang-palang tidak digalakkan
- 9 Ketinggian peralatan permainan tidak melebihi 8 kaki



KETAHUILAH TANGGUNGJAWAB KITA SEBAGAI PENGGUNA...

Ketahui dan mematuhi peraturan-peraturan yang berkaitan dengan taman permainan



Mendidik atau melatih anak-anak menggunakan peralatan permainan dengan cara yang betul dan selamat demi keselamatan di tempat permainan



Memberi pengawasan rapi kepada anak-anak sepenuh masa dan boleh memberi pertolongan segera jika diperlukan (semasa kecemasan)

Pastikan penggunaan alat lindung diri bersesuaian dengan aktiviti

Melaporkan keadaan atau kemungkinan bahaya di taman permainan kepada pihak berkenaan

Memastikan taman permainan bebas dari sebarang kacau ganggu (anjing, orang gila, sampah sarap, peralatan yang dipungut dan lain-lain)

Memastikan semua peralatan permainan berada dalam keadaan selamat dan berfungsi dengan baik



TAMAN PERMAINAN KITA TANGGUNGJAWAB KITA

**KEMPEN PROMOSI KESELAMATAN
DAN PENCEGAHAN KECEDERAAN**

Diterbitkan oleh Bahagian Pendidikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia.
T/P&P: 75/00 (BU/L5), 200,000-BM



Amalkan Cara Hidup Sihat
Cegah Kecederaan

